

Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' dari Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

SOALAN 1

- 1) Sekiranya seseorang itu meninggal dunia, yang dibawa sebagai bekal hanyalah sedekah jariah, amalan semasa hidup dan doa anak yang soleh. Tetapi bagaimana pula kalau si mati tidak mempunyai anak? Adakah doa ahli keluarga boleh menggantikannya?
- 2) Jika si mati tidak sempat khatam al-Quran bolehkah kita mengkhatamkan al-Quran untuknya?
- 3) Bolehkah kita membayar fidyah untuk si mati dan berapakah kadar fidyah untuk menggantikan sehari si mati tidak berpuasa?
- 4) Wajibkah kita melakukan tahlil pada hari ke 7, 14, 40 dan 100 atau ia adalah sunat saja?

JAWAPAN 1

- 1) Kita sememangnya dituntut untuk mendoakan kesejahteraan kepada sesiapa sahaja dari kalangan orang Islam yang telah meninggal dunia.
- 2) Dalam persoalan amalan untuk si mati ada perkara yang disepakati dan tidak disepakati ulama. Amalan yang disepakati ulama ialah si mati akan mendapat manfaat dari doa, istighfar, sedekah dan ibadah melibatkan harta seperti haji dan puasa. Perkara yang diikhtilafkan di antara para ulama apakah ia akan sampai kepada si mati atau tidak ialah ibadah badaniyah (praktikal semata-mata) seperti bacaan al-Quran, zikir dan sebagainya. Dalam hal ini terdapat dua pandangan; Pertama: Pandangan jumhur ulama dari mazhab Hanafi, Hanbali dan segolongan mazhab Syafi'ie dan Maliki berpandangan sampai dan memberi manfaat untuk si mati. Kedua: Pandangan golongan awal dari ulama Maliki dan Syafi'ie. Mereka berpandangan; tidak akan sampai kepada si mati.
- 3) Ya kita dituntut untuk menggantikan nilai fidyah si mati. Nilai fidyah untuk sehari meninggalkan puasa ialah secupak beras. Secupak beras mengikut kiraan metrik terkini di Malaysia ialah bersamaan dengan 700 gram. Justeru, secupak = 700 gram beras X bilangan hari ditinggalkan puasa
- 4) Tidak wajib tahlil tersebut.



SOALAN 2

Saya ingin bertanya adakah di dalam agama kita diwajibkan berpolitik, walaupun ada dalam kalangan kita yang bergaduh sesama umat Islam kerana pegangan politik masing-masing?



JAWAPAN 2

Islam adalah agama yang lengkap (syumul) dan sempurna (kamil). Islam membimbing kita dalam setiap kehidupan kita. Harus diingat, Islam juga agama perpaduan. Tidak wajar untuk berpolitik yang mengakibatkan perpecahan dan pergaduhan, jadikan perbezaan ideologi politik sebagai ruang untuk bermuhasabah dan bertukar pandangan serta nasihat-menasihati. Moga-moga Allah memperbaiki urusan kita.

SOALAN 3

Sekiranya seseorang berasal dari Perlis, membesar di Perlis, tetapi bekerja di Kuala Lumpur, bolehkah beliau solat jamak dan qasar semasa balik Perlis? Jika boleh, berapakah hari maksimum yang membolehkan jamak dan qasar tersebut dilakukan?

JAWAPAN 3

Hal ini bergantung kepada status tempat tinggalnya di Kuala Lumpur. Jika dia bermastautin ertinya tinggal terus di Kuala Lumpur, maka boleh jamak di kampung (Perlis), tapi jika dia hanya bermukim (tinggal lama lebih dari 3 hari) di Kuala Lumpur, tetapi bermastautin di Perlis maka tidak boleh jamak bila balik di kampung (Perlis).

SOALAN 4

Saya ingin meminta nasihat mengenai bagaimana kita ingin melupakan kesalahan lepas? Kita telah berusaha bertaubat dengan sepenuhnya dan berusaha tidak mengulangnya, namun kita masih dihantui dengan kisah tersebut?

JAWAPAN 4

Adalah sukar untuk melupakan kesilapan dan kesalahan lalu, apatah lagi ianya timbul dari rasa kesesalan kita di atas kesalahan dan dosa maksiat yang kita lakukan. Namun begitu, ingatlah bahawa Allah itu Maha Pengampun. Di dalam sebuah hadith dinyatakan: "Seseorang yang bertaubat daripada dosa, adalah umpama seorang yang tidak ada dosa padanya." Hal ini membuktikan betapa luasnya keampunan daripada Allah SWT. Walau seberapa besar pun dosa kemungkarannya yang kita lakukan, nescaya Allah akan menerima taubat nasuha hamba-hambanya. Jadikan ingatan kita terhadap dosa kita sebagai sempadan agar kita tidak lagi melakukannya. Secara positifnya, ingatan kita terhadap dosa kita yang lalu adalah sebagai peringatan Allah kepada kita yang menunjukkan kelemahan kita dan menjadi sempadan agar kita tidak lagi mengulangnya. Jangan sampai kita sedih meratapi kesilapan tersebut, kerana masa yang telah berlalu tidak akan kembali.

"Tujuan fatwa adalah untuk mengelakkan hukum rejam ke atas wanita yang melahirkan anak selepas 6 bulan bernikah, padahal dirinya tidak berzina, bukan untuk penzina yang telah tahu dirinya hamil dari zina."



SOALAN 5

Saya ingin bertanya, jika seorang wanita yang sudah tertanjanj dan telah hamil lalu untuk menutup keaibannya dengan berkahwin pada waktu dirinya hamil, adakah pernikahan mereka sah dari sisi agama? Mengapa Jabatan Agama Islam negeri membenarkan pernikahan tersebut? Saya amat musykil kerana sesetengah pendapat mengatakan bahawa pernikahan itu tidak sah.

JAWAPAN 5

Perbuatan haram mereka berzina tidak mengharamkan mereka untuk melakukan pernikahan yang sah di mana hukumnya halal. Fatwa ini disepakati oleh jumhur ulama. Menurut fatwa jumhur, jika wanita itu melahirkan anak selepas enam bulan berkahwin, maka anak itu dinasabkan kepada suaminya yang sah. Jika kurang dari tempoh itu, maka tidak boleh dinasabkan kepadanya kecuali dia berkeras mengaku bahawa bayi itu anaknya atau tidak ada bukti jelas ia adalah hasil daripada hubungan zina terutamanya dalam menjaga maruah seorang Muslim. Terdapat perselisihan pendapat ulama di dalam masalah menasabkan anak tersebut. Sebahagian berpandangan bahawa fatwa di atas ditujukan kepada perempuan-perempuan suci yang melahirkan anak selepas 6 bulan bernikah. Tujuan fatwa adalah untuk mengelakkan hukum rejam ke atas wanita yang melahirkan anak selepas 6 bulan bernikah, padahal dirinya tidak berzina, bukan untuk penzina yang telah tahu dirinya hamil dari zina. Mengikuti keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 28-29 Januari 1981 adalah seperti berikut: "Anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah. Terdapat juga yang berpandangan boleh dibin/bintikan kepada bapa sebenarnya. Anak yang lahir tidak kurang dari 6 bulan sejak hari akad nikah hingga ke hari lahir boleh dibin/bintikan kepada ayahnya dgn syarat: tiada bantahan dari suami perempuan itu atau tiada bantahan dari keluarga dan masyarakat. Inilah fatwa yang ada di Malaysia. Bahkan Rumah fatwa Mesir (Darul Ifta' al-Misriyyah) juga menetapkan demikian. Mereka menggunakan dalil hadith: HR Muslim dari Abu Hurairah, "anak itu adalah bagai tempat tidur." Maksudnya siapa yang meniduri wanita itu dialah yang bertanggungjawab terhadap nasabnya. (Fatwa Mesir, Ali Jadul Haq, 27 Mac 79), ada pendapat di kalangan fuqaha' seperti Ibn Sirin, Ibrahim al-Nakha'i dan Ibn Taymiyyah yang tetap membenarkan menasabkan anak zina kepada bapa yang sebenar (biological father) atas alasan masalah anak dan masyarakat. Lebih-lebih lagi apabila ibu bapa sudah berkahwin. Dengan itu nasab anak tetap kepada suami kepada perempuan yang dikahwini. Hadis Rasulullah berbunyi: "Anak adalah hampan isteri yang sah." Ini dibenarkan selagi bapa tidak menafikan anak tersebut bukan anaknya. Dengan itu, status anak masih dibenarkan dinasabkan kepada bapa anak itu sendiri mengikut pendapat di atas.

SOALAN 6

Sekiranya suami menyentuh isterinya atau sebaliknya selepas berwuduk tanpa ada perasaan berahi, adakah terbatal wuduk si suami itu? Berdasarkan apa yang saya belajar di sekolah dahulu, wuduknya batal tetapi baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa ada sabda Nabi S.A.W. bahawa perkara ini tidak membatalkan wuduk.

JAWAPAN 6

Terdapat khilaf (perbezaan) pandangan ulama di dalam masalah ini. Di dalam mazhab Syafie, sentuhan lelaki dan wanita adalah termasuk dalam perkara-perkara yang membatalkan wuduk. Menurut mazhab Syafi'i, hukumnya batal secara mutlak (tanpa syarat). Ini termasuk dengan isteri sendiri. Mazhab Maliki: Menyentuh kulit perempuan ajnabi membatalkan wuduk jika dengan tujuan 'talazzuz' (berlazat-lazat), atau mendapat kelazatan ketika bersentuhan. Hanafi: Menyentuh kulit perempuan ajnabi tidak membatalkan secara mutlak, samada dengan tujuan talazzuz atau merasainya ketika bersentuhan. Memang terdapat hadith-hadith yang menyebutkan soal sentuhan tidaklah membatalkan wuduk. Antaranya: Daripada 'Aisyah RA meriwayatkan bahawa: Baginda Rasulullah S.A.W. mencium sebahagian daripada isteri-isteri Baginda kemudian keluar menunaikan solat tanpa wuduk-Riwayat Imam Ahmad.

